

# Qalun perawi pertama Imam Nafei'



KHATAM al-Quran bukan tiket untuk kita berhenti membaca dan menghayati kitab suci itu. - Gambar hiasan

Oleh KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

## Bicara Qiraat

**L**IBYA adalah satu-satunya negara yang mengamalkan bacaan al-Quran mengikut riwayat Qalun dari Imam Nafei'. Pernah satu ketika, Prof. Madya di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Adel Abdul Aziz al-Ghuryani menghadihkan penulis Mushaf riwayat Qalun yang dicetak di negaranya Libya.

Selain Libya, al-Quran riwayat Qalun juga dicetak di Percetakan Malik Fahd, di Madinah al-Munawwarah.

Nama Imam Qalun ialah Isa Ibn Mina al-Madani. Qalun dalam bahasa Rom bermaksud bacaan yang menarik dan berkualiti.

Gelaran tersebut diberikan oleh gurunya Imam Nafei' bersesuaian dengan ilmu dan bakatnya dalam bidang bacaan al-Quran.

Qalun lahir pada tahun 120 hijrah dan meninggal dunia pada tahun 220 hijrah di Madinah al-Munawwarah.

Kelebihan dan kenulian yang Allah SWT kurniakan kepada Qalun ialah beliau tidak dapat mendengar kecuali bacaan al-Quran sahaja. Ada sebahagian ulama menyatakan bahawa beliau adalah seorang yang pekak di akhir usianya.

Namun, kesebatian hidupnya dengan al-Quran, membolehkan beliau mengesan kesalahan bacaan al-Quran melalui pemerhatian kepada gerakan bibir pembaca al-Quran. Seterusnya, membetulkannya dengan bacaan yang sah.

Mengikut sejarah, Qalun belajar al-Quran daripada gurunya seorang tokoh al-Quran di Madinah al-Munawwarah iaitu Imam Nafei'.

Beliau sangat telus dalam menerima ilmu tanpa mengira penat dan lelah. Pernah satu ketika ditanya kepadanya, sudah berapa kali kamu khatam al-Quran di hadapan Imam Nafei'?

Qalun menjawab, tidak terkira bilangan khatam tetapi yang pastinya aku masih membaca di hadapannya, meskipun sudah lebih 20 tahun.

Sebagai renungan bersama adat kebiasaan masyarakat Melayu amat bermegah apabila anaknya khatam al-Quran di usia masih kecil.

Mereka akan mengadakan majlis khatam al-Quran bagi merayakan usaha dan pencapaian anak tersebut. Malangnya khatam al-Quran menjadi lesen kepada anak-anak untuk tidak lagi membaca al-Quran di usia menengah dan dewasa.

Sebaliknya di negara Arab, belajar al-Quran tidak berhenti dengan sekali khatam di hadapan guru. Selepas khatam al-Quran mereka mencari guru yang lain.

Bermula dengan menekuni riwayat Hafs dan selepas khatam riwayat tersebut mereka membaca Qiraat tujuh atau mendalami riwayat-riwayat lain.

Khatam al-Quran ketika usia masih muda adalah permulaan untuk mengenal al-Quran. Masih banyak sebutan huruf, sifat huruf dan hukum tajwid yang perlu diberi penekanan.

Pengajaran daripada kisah Qalun yang membaca al-Quran di hadapan gurunya selama lebih dua puluh tahun memberi isyarat bahawa ilmu bacaan al-Quran memerlukan tempoh yang panjang dan tidak hanya memadai dengan sekali khatam sahaja.

Justeru pembelajaran al-Quran perlu ada kesinambungan dan dilangsungkan dalam kehidupan muslim dan jadikan bacaannya sebagai rutin harian.

- KHAIRUL ANUAR MOHAMAD ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia.